

# Vietnam diminta jangan buat orang lain susah

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

**SELISING, Ahad** — Malaysia menggesa Vietnam memperkemas rancangan pemindahan rakyatnya ke negara ketiga serta mengawal perairannya secara teratur supaya tidak menjadi beban pada negara-negara lain.

Timbalan Menteri

Luar Negeri, Encik Kadir Sheikh Fadzir berkata, di bawah rancangan itu Vietnam harus mengatur dan memilih sendiri rakyatnya yang hendak berpindah ke luar negeri.

"Vietnam harus mengeluarkan pasport kepada mereka bagi membolehkan rakyatnya terus pergi ke negara-ne-

gara ketiga dengan selamat," katanya.

Ketika ditemui selepas berceramah menyokong calon BN Selising, di Kampung Banir Belokong, di sini malam tadi, beliau berkata: "Hanya dengan cara itu sahaja rakyat Vietnam tidak akan menjadi orang hanyut di lautan."

Tambahnya, sekiranya Vietnam berjaya mengatur rancangan itu dengan rapi, masalah 'orang hanyut' tidak timbul lagi serta tidak memberi beban kepada negara-negara kedua.

"Setakat ini Vietnam masih tidak berbuat demikian secara teratur dengan memberi alasan yang ia tidak terdaya untuk mengawal sekitar perairan pantainya kerana terlalu luas," katanya.

Menyentuh beban yang terpaksa ditanggung oleh negara kedua seperti negara ini, katanya walaupun perbelanjaan harian ditanggung oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi belanja kawalan keselamatan di pantai-pantai seperti membina kem memakan belanja berjuta ringgit, dan ditanggung oleh Malaysia.

"Kita akan membangkitkan isu ini dalam persidangan menteri-menteri luar Asean di Jakarta November depan," katanya.

## Antartika

Encik Kadir berkata, Menteri Luar Indonesia, Prof. Mokhtar Kesumatmadja yang menjadi sebagai pengerusi persidangan itu akan mengumpul isu-isu yang akan dibangkitkan oleh Asean sebelum mengadakan perjumpaan dengan Presiden Amerika Syarikat, Encik Ronald Reagan.

Beliau berkata, antara isu penting yang akan dibincangkan dengan pemimpin Amerika Syarikat itu termasuklah soal pelaburan Amerika di Asia Tenggara, kerjasama sosio-ekonomi, dialog dan Asean/Amerika dan langkah Amerika bagi menyelesaikan masalah politik di Kampuchea.

Encik Kadir berkata, persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu akan datang akan membincangkan cara-cara tertentu bagi mewujudkan sistem yang lebih kemas mengenai benua Antartika, sebagaimana dicadangkan oleh Malaysia baru-baru ini.

Katanya, lebih 100 daripada 150 buah anggota Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali menyokong saranan Malaysia mengenai perkara itu.

"Perbincangan itu dijangka mengambil kira perjanjian yang termeneri mengenai benua itu bagi mencari jalan sesuai menjadikan Antartika sebagai benua yang memberi faedah kepada manusia sejagat," katanya.